

Matlamat 70 juta penduduk akan dicapai 50 tahun lebih awal

KUALA LUMPUR 10 Julai — Matlamat 70 juta orang penduduk yang dirancang oleh kerajaan akan dicapai menjelang tahun 2050, iaitu 50 tahun lebih awal daripada tajuk yang ditetapkan.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini berdasarkan pertumbuhan penduduk yang begitu pesat sekarang, iaitu pada kadar 2.4 peratus atau 450,000 setiap tahun.

Mengikut rancangan kerajaan, jumlah penduduk seramai 70 juta akan dicapai pada tahun 2100.

Menurut beliau, pada tahun 1995, penduduk Malaysia dijangka mencapai 20.3 juta orang.

Dalam hubungan ini, kata beliau, kerajaan ingin memperbetulkan anggapan yang salah berhubung penggalakan pertumbuhan penduduk negara ini.

"Oleh yang demikian kita tidak perlu terburu-buru untuk menambah bilangan penduduk. Sebenarnya pertumbuhan sekarang pada kadar 2.4 peratus perlu dikurangkan," kata beliau semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ke-6 (RM6) di Dewan Rakyat di sini petang ini.

"Pertambahan ini sahaja boleh menyebabkan kemerosotan taraf hidup, melainkan ekonomi kita mampu berkembang lebih pesat daripada pertumbuhan penduduk," ujar beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir menarik perhatian, adalah menjadi satu kepuasan dan kebanggaan bagi Malaysia kerana berupaya meningkatkan pendapatan perkapita dan taraf hidup, walaupun penduduk bertambah dengan pesat.